



## SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Kami : MPC(PCT)400-10/2/74

Tarikh : 19 Oktober 2020

Y US Sdn Bhd  
1-2B Incubator 1  
Technology Park Malaysia  
Bukit Jalil 57000, Kuala Lumpur  
(U.P : En. Mohd Yusno Mohd Yunos)

### SEBUTHARGA UNTUK: PERKHIDMATAN VIRTUAL PLATFORM & NETWORKING LOUNGE BAGI PROGRAM LEADERSHIP AND DIGITAL SUMMIT 2020: GO B.I.G WITH DIGITAL PADA 8 DISEMBER 2020

#### NO. SEBUTHARGA: MPC48/2020

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga/tender syarikat puan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Enam Puluh sahaja (RM32,860.00) (termasuk SST)**.

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebutharga oleh pihak puan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah dan Lampiran A1.

| Bil                     | Perkara                                       | Kos (RM)  | Jumlah (RM) |
|-------------------------|-----------------------------------------------|-----------|-------------|
| 1.                      | Virtual platform solution & networking lounge | 31,000.00 |             |
| 2.                      | SST                                           | 1,860.00  | 32,860.00   |
| Jumlah Keseluruhan (RM) |                                               |           | 32,860.00   |

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Syarikat puan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat puan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat puan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat puan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses \*sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat puan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen \*sebut harga/tender;
- (i) syarikat puan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat puan digulungkan;

- (k) syarikat puan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat puan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat puan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak puan. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak puan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)**  
Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG  
BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas salinannya yang mana telah disimpan.

  
\_\_\_\_\_ (tandatangan syarikat)

Nama Penuh : ANITHA  
No. Kad Pengenalan : 770204 - 07 - 6156  
Alamat : 1-2B, INCUBATOR 1,  
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA,  
BUKIT JALIL,  
57000 KUALA LUMPUR.  
Tarikh : 28/10/2020

  
\_\_\_\_\_ (Tandatangan wakil syarikat)  
Nama Penuh : IMAN NUR'AIN LIYANA BINTI MOHD DALI  
No. Kad Pengenalan : 920922 - 10 - 5848  
Alamat : 1-2B, INCUBATOR 1,  
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA,  
BUKIT JALIL,  
57000 KUALA LUMPUR.  
Tarikh : 28/10/2020

Diberikan dengan sempurna untuk  
menandatangani untuk dan bagi pihak :

**Y US SDN BHD**  
(888985-V)

.....  
Meterai atau Cop Syarikat  
Tarikh : 28/10/2020

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran : 888985V  
 1.2 Tempoh Sah Laku : 04/02/2016 (INCORPORATION DATE)

2. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

2.1 No. Pendaftaran : 357 - 02162241  
 2.2 Tempoh Sah Laku : 27/05/2020 - 26/05/2023  
 2.3 Kod Bidang : 210108 AND 221304  
 2.4 Taraf Syarikat : BUMIPUTERA  
 2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : 11/04/2017 - 10/04/2020 (DALAM PROSES)  
 LIHAT LAMPIRAN

3. **Harga dan Tempoh Kontrak**

3.1 Harga \*Sebut : RM. 32,860.00 (TERMASUK SST)  
 Harga/Tender (butiran \*Lampiran A1 (Lampiran Q dalam dokumen Sebutarga) adalah merupakan borang  
 harga seperti di **Lampiran A1** dengan harga yang ditandatangani oleh syarikat - untuk tindakan MPC

4. **Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan**

\*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

\*Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutarga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat - untuk tindakan MPC

5. **Bon Pelaksanaan**

(\*diisi oleh pihak MPC)

5.1 Kadar Bon : Peratusan  
 Pelaksanaan  
 5.2 Formula Bon : Formula  
 Pelaksanaan  
 5.3 Nilai Bon : Dalam angka  
 Pelaksanaan  
 5.4 Bentuk Bon : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau  
 Pelaksanaan Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful  
 5.5 Tempoh Sah : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat  
 Laku kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian

**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

**Bagi**

**MPC48/2020: PERKHIDMATAN VIRTUAL PLATFORM & NETWORKING LOUNGE  
BAGI PROGRAM LEADERSHIP AND DIGITAL SUMMIT 2020: GO B.I.G WITH  
DIGITAL PADA 8 DISEMBER 2020**

Saya..... ANITHA ..... nombor K.P. 770204 - 07 - 6156 ..... yang  
mewakili..... Y US SDN BHD ..... nombor pendaftaran ..... 888985V .....

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,



Nama : ANITHA

No. K.P.: 770204 - 07 - 6156

Cop Syarikat : **Y US SDN BHD**  
(888985-V)



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
**SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA**

|                        |                           |
|------------------------|---------------------------|
| NO SIJIL               | : BP22097061211741211     |
| NO RUJUKAN PENDAFTARAN | : 357-02162241            |
| TEMPOH SAH LAKU        | : 11/04/2017 - 10/04/2020 |

Bahawa dengan ini diperakui syarikat :

Y US SDN BHD (888985-V)  
OFFICE 2, LEVEL 2, RESOURCE CENTRE,  
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA  
LEBUHRAYA PUCHONG-SG.BESI  
W.P. KUALA LUMPUR  
57000 BUKIT JALIL  
WILAYAH PERSEKUTUAN (K.L), MALAYSIA

Telah diiktiraf sebagai Syarikat Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Taraf Bumiputera bukannya hak dan boleh ditarik balik sekiranya syarikat gagal mematuhi syarat/kriteria yang ditetapkan. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (Lampiran C).

t.t

**DATO' OTHMAN BIN SEMAIL**

Bahagian Perolehan Kerajaan  
*b.p* Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia

Tarikh Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia : 11/04/2017

(Sijil ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan)

## SYARAT KELULUSAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA

## 1. SYARAT AM

- 1.1 Pihak syarikat hendaklah sentiasa berusaha untuk mengekal dan mempertingkatkan kedudukan supaya:
  - 1.1.1 Kedudukan majoriti Bumiputera hendaklah sentiasa melebihi 51% di dalam pemilikan ekuiti, keahlian Lembaga Pengarah, jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar, jawatan-jawatan penting lain (*key post*), kakitangan syarikat di peringkat pengurusan dan juga pekerja.
  - 1.1.2 Bagi bidang percetakan, kedudukan 100% Bumiputera hendaklah sentiasa dikekalkan dari segi ekuiti, Lembaga Pengarah/Pengarah, Pengurusan dan Pengurusan Kewangan. Bagi pekerja hendaklah tidak kurang 80% Bumiputera dan tiada penglibatan bukan warganegara.
  - 1.1.3 Bagi bidang agen pengembaraan, kedudukan 100% Bumiputera hendaklah sentiasa dikekalkan dari segi ekuiti, Lembaga Pengarah/Pengarah, Pengurusan, Pengurusan Kewangan dan pekerja.
  - 1.1.4 Secara majoriti Bumiputera memainkan peranan penting di dalam urus niaga syarikat, pengawasan perjalanan syarikat, pengurusan kewangan syarikat, membuat keputusan-keputusan penting dan mewakili syarikat di dalam mesyuarat-mesyuarat dan lain-lain urusan rasmi seumpamanya.
- 1.2 Jika berlaku sebarang perubahan di dalam syarat-syarat yang dinyatakan di atas, maka pihak Kementerian Kewangan hendaklah diberitahu dengan segera supaya pindaan dapat dibuat di dalam Rekod Pendaftaran. Setiap perubahan ke atas maklumat tersebut hendaklah dikemaskinikan secara *online* di Modul Kemaskini Profil di alamat [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh perubahan tersebut berlaku. Kegagalan syarikat di dalam memberikan maklumat tersebut boleh menimbulkan keraguan pihak Kementerian Kewangan Malaysia terhadap ketulenan taraf Bumiputera syarikat.
- 1.3 Sekiranya Kementerian Kewangan Malaysia mendapati syarikat telah melanggar syarat-syarat yang ditentukan di atas, ataupun telah menyerahkan pengurusan syarikat dan kontrak yang diperolehi kepada pihak-pihak lain, maka pengiktirafan sebagai syarikat Bumiputera akan ditarik balik dan status dibatalkan dalam sistem ePerolehan.

## 2. PENGANTUNGAN/PEMBATALAN PENDAFTARAN

- 2.1 Kementerian Kewangan berhak mengenakan tindakan tatatertib ke atas syarikat dan membatalkan maklumat berkaitan pendaftaran syarikat sekiranya:
  - 2.1.1 Taraf Bumiputera syarikat dilucutkan atau ditarik balik dan dibatalkan dalam Sistem ePerolehan.
  - 2.1.2 Pendaftaran syarikat digantung atau dibatalkan dalam Sistem ePerolehan.
  - 2.1.3 Lain-lain pelanggaran syarat yang membolehkan Kementerian Kewangan Malaysia memutuskan taraf Bumiputera ditarik balik dan dibatalkan dalam Sistem ePerolehan.

## 3. HAK KERAJAAN


- 3.1 Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera yang dikeluarkan secara *Virtual* adalah **HAK KERAJAAN** dan semua maklumat dalam Sistem ePerolehan adalah muktamad.

## 4. PENYERTAAN PEROLEHAN KERAJAAN

- 4.1 Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera tidak perlu ditunjukkan semasa mengambil dokumen perolehan Kerajaan (pembelian terus, tender/sebut harga dan lain-lain kaedah perolehan) kecuali bagi Agensi Kerajaan yang tiada capaian internet.
- 4.2 Syarikat hendaklah memastikan pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia masih sah laku sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa.

## 5. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 5.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan Kerajaan merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

**Maklumat Syarikat**

|                                         |                                                                                                                     |
|-----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Nama Syarikat</b>                    | Y US SDN. BHD.                                                                                                      |
| <b>Jenis Pendaftaran</b>                | ROC - Sdn Bhd                                                                                                       |
| <b>No. Pendaftaran Perniagaan</b>       | 888985-V                                                                                                            |
| <b>Nombor Rujukan Cukai Pendapatan</b>  | E-9117881410                                                                                                        |
| <b>Tarikh Penubuhan</b>                 | 04/02/2010                                                                                                          |
| <b>No. Pendaftaran CBP</b>              | 000930349056                                                                                                        |
| <b>Tarikh KuatKuasa Pendaftaran CBP</b> | 01/04/2015                                                                                                          |
| <b>Jumlah Pekerja Syarikat</b>          | Bumiputera 8                                                                                                        |
|                                         | Bukan Bumiputera 2                                                                                                  |
|                                         | Bukan Warganegara Malaysia 0                                                                                        |
| <b>Pendapatan Tahunan (RM)</b>          | RM2,000,001 - 5,000,000                                                                                             |
| <b>Alamat</b>                           | 1-2B, INCUBATOR 1<br>TECHNOLOGY PARK MALAYSIA<br>BUKIT JALIL                                                        |
| <b>Poskod</b>                           | 57000                                                                                                               |
| <b>Bandar</b>                           | KUALA LUMPUR                                                                                                        |
| <b>Negeri</b>                           | WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR                                                                                    |
| <b>Daerah</b>                           | W.P. KUALA LUMPUR                                                                                                   |
| <b>Negara</b>                           | MALAYSIA                                                                                                            |
| <b>Nombor Telefon</b>                   | +60384082112                                                                                                        |
| <b>Nombor Faks</b>                      | +60389923050                                                                                                        |
| <b>Laman Web Syarikat</b>               | www.evenesis.com                                                                                                    |
| <b>Pejabat Perniagaan (Sewa)</b>        | Pejabat Perniagaan(Sewa)                                                                                            |
| <b>Nama Pemilik</b>                     | Technology Park Malaysia                                                                                            |
| <b>Berurusan dengan</b>                 | Kerajaan Persekutuan<br>Kerajaan Negeri<br>Badan Berkanun<br>Syarikat Berkaitan Kerajaan<br>Pihak Berkuasa Tempatan |
| <b>Cawangan Syarikat</b>                | Tiada Cawangan                                                                                                      |
| <b>Syarikat Bersekutu</b>               | Tiada Syarikat Bersekutu                                                                                            |
| <b>Sijil Pengiktirafan</b>              | Sekurang-kurangnya mempunyai 1 Sijil Kelayakan                                                                      |

## Dokumen Sokongan

Untuk penyerahan dokumen sokongan luar talian, sila hantar ke:-

**Untuk Semenanjung Malaysia:**  
(Kontraktor di Semenanjung Malaysia sahaja dan semua Perunding di Malaysia)

Unit Pendaftaran Syarikat  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
Tingkat Bawah Blok Utara  
Kompleks Kementerian  
Kewangan Presint 2, Pusat  
Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan 62592 Putrajaya

**Untuk Sabah:**  
(Kontraktor di Sabah sahaja)

Unit Pendaftaran Kontraktor  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
Perbendaharaan Malaysia Sabah  
Tingkat 2 Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh  
88592 Kota Kinabalu Sabah

**Untuk Sarawak:**  
(Kontraktor di Sarawak sahaja)

Unit Pendaftaran Kontraktor  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak  
Tingkat 16 Bangunan Sultan  
Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93592 Kuching Sarawak

| Senarai Semak |             | Bil. | Perihal Dokumen                                                                                                                   | Lampiran                                                                                  |
|---------------|-------------|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| Atas Talian   | Luar talian |      |                                                                                                                                   |                                                                                           |
| X             |             | 1    | SALINAN PENSIJILAN SME CORPORATION MALAYSIA (1-INNOCERT)                                                                          | INNOCERT.pdf                                                                              |
| X             |             | 2    | PETA LAKAR YANG LENGKAP DENGAN MERCU TANDA DAN NAMA JALAN YANG JELAS MENUJU KE PREMIS (MUAT TURUN DARI INTERNET TIDAK DITERIMA)   | Peta-Lakaran-Y-Us-Sdn.-Bhd..pdf                                                           |
| X             |             | 3    | RESOLUSI PENANDATANGAN CEK (JIKA BERKENAAN)                                                                                       | Y-US---CIMB-Reso.pdf                                                                      |
| X             |             | 4    | BORANG PERINCIAN PENANDATANGAN CEK YANG DISAHKAN OLEH BANK BERKAITAN                                                              | Borang-Pengesahan-Akaun-Bank-Syarikat.pdf                                                 |
| X             |             | 5    | CARTA ORGANISASI YANG LENGKAP DENGAN NAMA DAN JAWATAN                                                                             | Y-Us-Org.-Chart.pdf                                                                       |
| X             |             | 6    | BORANG PENGISYTIHARAN KEMENTERIAN KEWANGAN YANG SUDAH DITANDATANGANI                                                              | Borang-Pengisytiharan-MOF-berserta-Surat-Penjelasan-Caruman-KWSP-Tertinggi-Bumiputera.pdf |
| X             |             | 7    | SURAT PERJANJIAN SEWA PREMIS YANG DIMATIKAN SETEM/DOKUMEN HAK MILIK (S&P)/SURAT KEBENARAN DARI PEMILIK PREMIS/RUMAH/SALINAN GERAN | Perjanjian-Sewa-Premis.pdf                                                                |
| X             |             | 8    | PENYATA CARUMAN KWSP (BORANG A) IAITU SENARAI NAMA PEKERJA YANG DICARUM SERTA RESIT BAYARAN CARUMAN KWSP BULAN TERKINI            | Surat--Penjelasan-Caruman-KWSP-Tertinggi-Bumiputera-&-Penyata-KWSP-bulan-Ogos.pdf         |

| Senarai Semak |             | Bil. | Perihal Dokumen                                                                                                               | Lampiran                              |
|---------------|-------------|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| Atas Talian   | Luar talian |      |                                                                                                                               |                                       |
| X             |             | 9    | BORANG A KWSP IAITU SENARAI NAMA PEKERJA YANG DI CARUM SERTA RESIT BAYARAN CARUMAN KWSP BULAN TERKINI (PERMOHONAN BUMIPUTERA) | Penyata-KWSP-Bulan-Ogos.pdf           |
| X             |             | 10   | SALINAN IJAZAH/ DIPLOMA/ SETARA BAGI PEMILIK ATAU PEKERJA YANG BERKELAYAKAN                                                   | Sarjana-Muda-(Teknologi-Maklumat).pdf |

## Pengisytiharan

No. Rujukan Permohonan : KB-02102020-0006

Jenis Permohonan : Permohonan Status Bumiputera

**PENTING! Anda dikehendaki menyelesaikan pendaftaran anda dengan membuat pengisytiharan atas talian**

1. Permohonan anda akan diserahkan secara atas talian sebaik sahaja anda tekan butang 'Isytihar'.
2. Kesemua dokumen sokongan akan dihantar berdasarkan pilihan anda.
3. Sila pastikan maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem hendaklah selaras dengan dokumen yang dikemukakan.
4. Kementerian Kewangan tidak akan memproses permohonan anda sekiranya dokumen-dokumen yang diserahkan melalui luar talian (hardcopy) tidak diterima dalam masa 120 hari dari tarikh pengisytiharan.
5. Permohonan anda hanya akan diproses apabila bayaran proses (bagi permohonan baru dan pembaharuan) telah dijelaskan secara atas talian dan kesemua dokumen sokongan telah diterima oleh Kementerian Kewangan.
6. Anda dinasihatkan untuk mencetak halaman berikut bagi rujukan masa hadapan.
7. Anda boleh menyemak status permohonan secara atas talian.